

28 JAN 2001

Sukan-Go-Kart

MALAYSIA TUAN RUMAH GO-KART DUNIA TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Malaysia menewaskan dua negara lain yang turut menawarkan diri sebagai tuan rumah pusingan akhir Go-Kart Cabaran Rotax Max Dunia yang akan diadakan di Langkawi tahun depan.

Ketika melancarkan acara berprestij itu di sini hari ini, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussien berkata ia adalah pengiktirafan global buat Malaysia dan pada masa yang sama akan meletakkan negara ini sebagai syurga sukan bermotor dunia.

Acara itu akan diadakan pada 21-27 Jan di Litar Kart Antarabangsa Morac (MIKC) di Langkawi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung kejohanan dunia ini yang dijangka menarik penyertaan daripada 33 negara.

Dr Mahathir, yang sepatutnya melancarkan acara itu di Litar Go-Kart Fast Track Speed Zone di Sungai Penchala dekat sini, telah diwakili oleh Hishammuddin.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, turut hadir pada pelancaran itu.

Hishammuddin berharap pemandu go-kart Malaysia akan mengambil peluang pada kejohanan ini untuk mempamerkan skil masing-masing kepada pelumba antarabangsa.

Beliau kemudian menyampaikan dua biasiswa, tiap satu bernilai RM150,000 untuk tahun ini, daripada Morac International Karting Circuit, Sdn. Bhd., kepada Nik Iruwan Nik Izani dan Mohd Rohairijaz Mat Ropin.

Sementara itu Presiden Kumpulan Syarikat-syarikat Mofaz, Mohamed Fauzy Abdul Hamid, berkata Malaysia memenangi hak sebagai tuan rumah kejohanan akhir dunia 2001 tahun depan daripada Australia dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Belkau berkata Langkawai dipilih kerana pusat peranginan itu mempunyai kemudahan untuk menganjurkan acara go-kart bertaraf dunia.

Mohamed Fauzy berkata setiap 33 negara peserta akan menurunkan tiga pemandu terbaik yang memenangi kejohanan peringkat kebangsaan di negara masing-masing.

Di Malaysia, kata beliau, cabaran pertama peringkat kebangsaan akan diadakan pada 31 Mac dan pusingan akhir di MIKC pada 15 Sept.

Beliau berkata perbelanjaan menganjurkan kejohanan di Langkawi ini dijangka menelan belanja RM2 juta.

-- BERNAMA

DC HS ZB